

## TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT UNTUK KAD BAYARAN SERBAGUNA KAD AUTOMATED TELLER MACHINE

Sebagai balasan untuk CIMB Bank Berhad (Bank) mengeluarkan Kad Bayaran Serbaguna (PMPC)-Kad ATM, saya kami dengan ini bersetuju mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat seperti berikut :

### 1. Takrif

- 1.1 Takrif-takrif seperti berikut akan terpakai dalam Terma-terma & Syarat-syarat ini:-
- (a) "Bank" bermaksud CIMB Bank Berhad termasuk pengganti hak milik yang kemudiannya dan penerima serah hak.
  - (b) "MEPS" bermaksud Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd., yang menyediakan Automated Teller Machine Network bagi semua bank-bank ahli.
  - (c) "ATM" bermaksud Automated Teller Machine yang terpasang oleh BANK atau mana-mana ahli MEPS untuk penggunaan pelanggan-pelanggannya.
  - (d) "Perkhidmatan ATM" bermaksud perkhidmatan yang ditawarkan oleh BANK kepada pelanggan-pelanggannya yang menggunakan ATM, EFTPOS, perkhidmatan tunai MEPS dan mana-mana perkhidmatan Perbankan Elektronik seperti mana yang dikeluarkan oleh BANK dan/atau MEPS dari masa ke masa.
  - (e) "Cawangan" bermaksud satu cawangan BANK.
  - (f) "Kad" bermaksud Kad ATM Bank dan mana-mana kad gantian yang dikeluarkan oleh BANK kepada mana-mana pelanggannya untuk membolehkan mereka menggunakan ATM.
  - (g) "EFTPOS" bermaksud perkhidmatan Electronic Funds Transfer at Point of Sale (Pindahan Wang Elektronik di Tempat Jualan) yang akan membolehkan pemegang-pemegang kad membuat pembayaran bagi belian/perkhidmatan di mana-mana outlet runcit dibenar (outlet) dengan menggunakan Kad.
  - (h) "Wang" akan termasuk tunai kepunyaan pemegang Kad, pinjaman atau kemudahan overdraf yang diberikan kepada pemegang Kad.
  - (i) "Pemegang Kad" bermaksud orang yang diberi Kad oleh Bank untuk kegunaannya.
  - (j) "Mesin" bermaksud mesin teller automatik (Automated Teller Machine/ ATM) atau mana-mana Terminal Perbankan Elektronik dibenar, termasuk Terminal Tempat Jualan (EFTPOS).
  - (k) "PIN" bermaksud Personal Identification Number atau Nombor Pengenalan Peribadi yang dikeluarkan oleh Bank untuk membolehkan Pemegang Kad menggunakan perkhidmatan ATM.
  - (l) "Tunai MEPS" adalah nama yang diberikan untuk rancangan pegangan wang elektronik yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn Bhd.

### 2. Keempuan Kad ('Kad tersebut')

- 2.1 Kad tersebut akan sentiasa menjadi harta Bank pada setiap masa dan Pemegang Kad harus menyerahkan Kad tersebut kepada Bank sebaik sahaja diminta berbantuan demikian. Kegunaan Kad tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan dari masa ke masa dan hanya dengan cara dibenar dan yang tertentu disini dan tertakluk kepada pindaan dari masa ke masa berdasarkan budi bicara mutlak Bank .

### 3. Ketakpemindahan Kad

- 3.1 Kad ini dikeluarkan semata-mata untuk penggunaan Pemegang Kad dan tidak boleh dipindah milik. Pemegang Kad tidaklah menggunakan Kad sebagai cagaran atau jaminan bagi mendapatkan kemudahan kredit atau untuk melakukan urusniaga berkaitannya.

### 4. "PIN" adalah sulit

- 4.1 Suatu PIN akan diberikan kepada Pemegang Kad untuk membolehkan Pemegang Kad menggunakan ATM, akan tetapi sebelum dibenarkan untuk menggunakan perkhidmatan ATM yang ditawarkan, Pemegang Kad mesti menekur PIN yang diberikan oleh Bank. Pemegang Kad harus pada setiap masa mematuhi langkah-langkah keselamatan yang disertakan dengan Kad dan PIN seperti yang dikenakan oleh Bank. Pemegang Kad tidak dibenarkan sama sekali mendedahkan PINnya kepada sesiapa pun, termasuk kakitangan Bank, dan PIN tidak harus disimpan bersama-sama dengan Kad tetapi Pemegang Kad harus menghafalkannya.

### 5. Kehilangan, Kerosakan atau Kecurian Kad

- 5.1 Jika terdapat kecurigaan bahawa Kad tersebut telah hilang, dicuri atau rosak atau PIN diketahui orang, Pemegang Kad harus melaporkannya terus kepada Bank dan Kad tersebut akan digantung dengan serta merta. Dalam hal ini pemegang Kad boleh menghubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-880-900.

- 5.2 Pemegang Kad harus bertanggungjawab atas semua urusniaga yang dilakukan dengan Kad sebelum Bank diberitahu bahawa Kad tersebut hilang, atau di curi atau lain-lain dan Bank mengesahkan penerimaan pemberitahuan tersebut.

### 6. Aduan dan Pertikaian berkenaan Kad tersebut

- 6.1 Seorang Pemegang Kad yang berhasrat untuk membuat aduan mengenai Kadnya harus melengkapkan Borang Laporan Pelanggan. Sebarang permintaan untuk Bank mengeluarkan Kad gantian dan PIN baru tertakluk kepada peruntukan yang disebut di bawah klausula 10 dalam ini. Pertikaian mengenai tunai yang tidak diberikan tetapi telah didebitkan atau keluaran wang yang tidak tepat akan dilayan jika Pemegang Kad melengkapkan Borang Aduan Pelanggan MEPS. Bank akan berusaha menyelesaikan aduan tersebut dengan segera dan sekiranya Bank tidak dapat menyelesaikan aduan tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan aduan, Bank akan meminta pengaduan lanjutan 14 hari lagi.
- 6.2 Jika Pemegang Kad menyatakan ketidakpuasannya berkenaan cubaan Bank menyelesaikan aduanannya (selepas habis tempoh lanjutan 14 hari), perkara tersebut boleh dirujuk oleh Pemegang Kad dengan menghubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-880-900 untuk membuat rayuan. Jika perkara tersebut masih tidak boleh diselesaikan, Pemegang Kad bolehlah merujukkan aduan tersebut ke Cawangan dimana akaun tersebut dibuka atau mana-mana Cawangan Bank yang berdekatan.

### 7. Tanggungjawab bagi Urusniaga dan Kad ATM

- 7.1 Pemegang Kad bertanggungjawab untuk semua urusniaga yang dilakukan dengan Kad dan harus menerima rekod Bank untuk semua urusniaga yang dilakukan sebagai mengikat dan muktamad. Pemegang Kad tertakluk kepada had pengeluaran RM3,000 dari ATM bagi sehari atau apa-apa had yang lain yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke masa tanpa rujukan kepada Pemegang Kad, tertakluk kepada jumlah wang yang ada dalam akaun Pemegang Kad. Bagi maksud pengiraan had pengeluaran harian bagi akaun bersama, di mana satu atau lebih Kad dikeluarkan kepada pemegang akaun, had harian ialah RM3,000 untuk setiap Kad tertakluk kepada jumlah wang yang ada dalam akaun bersama tersebut.
- 7.2 Pemegang Kad harus memastikan bahawa pemerosesan mikro, strip magnet dan/atau data dalam Kad tidak diubah atau dirosakkan dengan cara bagaimana sekalipun dan tanpa menyentuh keempuan Kad Pemegang Kad tersebut. Pemegang Kad dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk memegangmilik Kad dan Pemegang Kad harus menyerahkan kembali Kad tersebut kepada Bank sebaik sahaja diminta oleh Bank, untuk tujuan penentusan, pembetulan atau pengesahan data yang disimpan dalam Kad.
- 7.3 Bank tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kerosakan kepada Kad setelah ia diterima oleh Pemegang Kad. Pemegang Kad dikehendaki menyimpan Kad dengan selamat, tidak patah, tidak cacat atau rosak dengan cara bagaimanapun dan tidak harus didedahkan kepada sumber magnetik atau suhu kepanasan yang berlebihan. Bank akan mengeluarkan atas permintaan kad gantian bagi kad yang rosak tertakluk kepada caj berdasarkan fee gantian Kad pada masa itu. Bank akan serentak mengeluarkan PIN baru.

- 7.4 Pemegang Kad tidak harus mempertanggungjawabkan Bank, kakitangan dan/atau ejenya, jika berlaku sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan yang berbangkit dari kerosakan mekanikal atau ATM yang tidak berfungsi, gangguan atau putusnya bekalan elektrik bagi ATM atau apa-apa sebab.

### 8. Menyimpan baki yang mencukupi di dalam Akaun Pemegang Kad

- 8.1 Pemegang Kad tidak harus menggunakan Kad untuk mengeluarkan atau memindahkan wang di mana-mana ATM Bank (sama ada di Malaysia atau di luar negeri) kecuali terdapat wang yang mencukupi dalam akaunnya.
- 8.2 Baki dalam akaun Pemegang Kad yang perolehi dari ATM adalah tidak termasuk simpanan yang belum terhasil, jika ada, dan untuk itu tidak akan diterima sebagai kenyataan akaun Pemegang Kad yang muktamad dengan Bank.

**9. Keesahan dan Penamatian**

- 9.1 Pemegang Kad harus mengembalikan Kad kepada Bank untuk pembatalan, sekiranya Pemegang Kad tidak ingin menggunakan Kad, atau jika akaunnya telah ditutup untuk apa-apa sebab. Bank juga mempunyai hak pada bila-bila masa untuk membatalkan hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad atau tidak memperbarui atau mengganti Kad dan Pemegang Kad akan diberitahu secara bertulis mengenai pembatalan tersebut oleh Bank atau mana-mana kakitangannya yang diberi kuasa. Pemegang Kad tidak harus menggunakan Kad tersebut setelah diberitahu pembatalannya.

**10. Pengantian Kad ATM**

- 10.1 Setelah Bank diberitahu mengenai kejadian yang disebutkan dalam klaus 5, Bank boleh diatas budi bicara mutlak mengeluarkan Kad baru dan PIN jika diminta secara bertulis oleh Pemegang Kad berdasarkan syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Bank dan berdasarkan tanggung rugi yang diperlukan oleh Bank dari Pemegang Kad.
- 10.2 Bank akan mengenakan caj penggantian RM12.00 bagi Kad ATM dan PIN yang baru yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad.

**11. Kegunaan Kad Untuk Membuat Urusniaga Bagi Satu Akaun Atau Lebih**

- 11.1 Jika Pemegang Kad memohon dan mendapat kelulusan dari Bank untuk menggunakan Kad untuk akses dan mengendalikan satu akaun atau lebih Pemegang Kad dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad, maka semua urusniaga yang dilakukan olehnya akan disifatkan sebagai urusniaga Pemegang Kad dan akan mengikat Pemegang Kad.
- 11.2 Bagi mana-mana kad yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad, Pemegang Kad bersetuju bahawa semua urusniaga melalui kad yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad berkenaan akaun dengan Bank akan mengikat Pemegang Kad .

**12. Fee Tahunan Kad**

Pemegang Kad bersetuju bahawa (i) Bank berhak mengenakan fee tahunan bagi kad pada ulang tahun keluaran kad oleh Bank atau pada tarikh yang lain seperti Bank akan menentukan dari masa ke masa tanpa notis kepada Pemegang Kad (ii) Bank berhak tanpa notis kepada Pemegang Kad mendebit dan/atau menolak atau menyebabkan pendebitan atau tolakan untuk bayaran fee tahunan Kad dan/atau mana-mana fee tahunan bagi kad yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad ('fee berkenaan') dari akaun Pemegang Kad dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank Berhad dan Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya baki akaun berkenaan dengan Bank dan/atau CIMB Islamic Bank tiada wang atau wang tidak mencukupi. (iii) Pendebitan dan/atau tolakan fee tahunan kad yang dikeluarkan oleh CIMB Islamic Bank Berhad dari akaun Pemegang Kad dengan Bank akan mengikat Pemegang Kad.

**13. Caj Bank Bila Membuat Urusniaga di Dalam Malaysia atau Luar Negeri**

- 13.1 Pemegang Kad harus membayar semua caj yang ditentukan oleh Bank dari masa ke masa berhubungan dengan perkhidmatan ATM yang ditawarkan. Untuk maksud ini, Pemegang Kad harus untuk caj tersebut memastikan bahawa ada baki yang mencukupi dalam akaunnya untuk didebitkan oleh Bank.
- 13.2 Segala urusniaga antara negara melalui Kad ATM adalah tertakluk kepada undang-undang di Negara dimana urusniaga dijalankan dan kadar pertukaran untuk urusniaga tersebut pada tarikh urusniaga itu didebitkan dari Akaun akan ditentukan oleh Bank pada budi bicara mutlak Bank.
- 13.3 Selain caj yang disebut diatas, Pemegang Kad bersetuju dengan caj pengendalian yang dikenakan oleh pihak Bank untuk setiap pengeluaran tunai melalui Rangkaian ATM Kumpulan CIMB, Rangkaian ATM Bersama tempatan dan Rangkaian ATM Bersama di bawah MEPS, rakan penyedia perkhidmatan 'switch', PLUS dan CIRRUS atau mana-mana institusi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Caj pengendalian yang dikenakan boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my). Caj ini akan didebitkan kepada akaun urusniaga pemegang kad pada tarikh urusniaga itu didebitkan dari akaun tersebut.
- 13.4 Bank juga berhak untuk mengkaji semula caj Bank yang dikenakan pada bila-bila masa.

**14. Pemegang Akaun Bersama**

- 14.1 Bank, berdasarkan budi bicara mutlaknya boleh mengeluarkan Kad tambahan kepada pemegang bersama bagi akaun bersama jika syarat untuk mengendalikan akaun bersama ini adalah untuk salah satu mengendalikan.

- 14.2 Pemegang akaun bersama ini haruslah bertanggungjawab secara bersama-sama dan berasingan di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini bagi maksud yang mana perkataan-perkataan yang digunakan dalam bentuk tungal adalah termasuk berbilang .

**15. Rangkaian ATM Bersama**

- 15.1 Terma-terma dan Syarat-syarat yang dikenakan bagi kegunaan Kad ATM di rangkaian ATM Bank juga terpakai untuk kegunaan bagi Rangkaian ATM Bersama di bawah MEPS, rakan penyedia perkhidmatan 'switch' MEPS, PLUS, CIRRUS atau mana-mana institusi yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.
- 15.2 Pengaktifan kad untuk kegunaan di luar negara adalah diperlukan kecuali untuk transaksi pengeluaran tunai di Rangkaian ATM Kumpulan CIMB.

**16. Pemindahan Dana Elektronik Tempat Jualan (EFTPOS)**

- 16.1 Urusniaga, EFTPOS adalah dianggap sebagai pengeluaran wang dari akaun Pemegang Kad dan Bank diberi kuasa untuk mendebit akaun Pemegang Kad dengan jumlah bil-bil yang ditanggung melalui penggunaan Kad.

**17. Pengeluaran antara Cawangan**

- 17.1 Apabila satu Kad atau lebih dikeluarkan kepada pemegang atau pemegang bersama akaun simpanan yang dibuka dengan Bank, Bank berhak untuk mendapatkan maklumat daripada cawangan Bank di mana akaun dibuka oleh pemegang kad atau pemegang kad bersama baki pada setiap kali pengeluaran dibuat melalui kaunter dengan buku simpanan atau penyata akaun simpanan, kad ATM telah di tandatangani di panel tanda tangan. Bank seterusnya berhak untuk menolak sebarang pengeluaran dengan buku simpanan/ atau penyata jika bagi sebarang sebab baki dalam akaun simpanan tidak dapat disahkan dengan cawangan Bank di mana akaun di buka .

**18. Am**

Terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun Pemegang Kad dengan Bank dan yang konsisten dengan Terma-terma dan Syarat-syarat bagi penggunaan Kad ATM, harus terpakai untuk urusniaga yang dilakukan dengan menggunakan Kad. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku percanggahan berkenaan urusniaga ATM, Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di sini akan mengatasi Terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal akaun Pemegang Kad.

Bank boleh pada bila-bila masa, mengubah, menambah, memotong atau meminda Terma-terma dan Syarat-syarat yang dinyatakan di sini. Bank atas budi bicaranya akan memilih cara yang sesuai untuk menyampaikan perubahan, tambahan, potongan atau pindaan kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad adalah dianggap telah menerima notis tersebut sama ada notis dihantar ke alamat terakhir atau disiarkan dalam media elektronik atau surat khabar atau di papan kenyataan di cawangan Bank atau laman web internet atau Mesin.

Walau apa pun dan tanpa menjelaskan keluasan makna klaus-klaus dalam Terma-terma dan Syarat-syarat ini, Pemegang Kad dengan nyata bersetuju bahawa kegunaan Kad adalah pada risikonya sendiri dan Pemegang Kad akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang risiko yang berbangkit daripada kegunaan Kad ini dan melindungi bank dari sebarang kerugian, kos dan perbelanjaan (di sisi undang-undang dan sebaliknya) yang mana akan ditanggung oleh Pemegang Kad atau pihak bank kepada ATM kad dan untuk semua transaksi yang dilakukan menggunakan kad tersebut (walaupun transaksi itu adalah palsu).

Tanpa menjelaskan klaus-klaus yang ada, adalah dipersetujui bahawa Terma-terma dan Syarat-syarat yang ternyata di sini adalah tambahan kepada Kaedah-kaedah dan Peraturan-peraturan yang sedia ada yang mengawal penggunaan dan operasi Akaun Simpanan dan Akaun Semasa dan Kaedah-kaedah Persatuan Bank-bank Malaysia.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini adalah tertakluk dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia. Semua notis atau komunikasi berhubung Terma-terma dan Syarat-syarat ini perlu dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan/atau Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun jika ia dikeluarkan dalam Bahasa Kebangsaan, ia harus disertai dengan terjemahan dalam Bahasa Inggeris. Jika ada percanggahan antara teks Bahasa Inggeris dan Bahasa Kebangsaan, teks Bahasa Inggeris itu hendaklah mengatasi teks Bahasa Kebangsaan itu.

**TERMS AND CONDITIONS OF THE PAYMENT MULTI-PURPOSE CARD - AUTOMATED TELLER MACHINE CARD**

In consideration of CIMB Bank Berhad ('the Bank') issuing a "Payment Multi-Purpose Card (PMPC) - ATM Card", I/We hereby agree to be governed by the following Terms & Conditions: -

**1. Definition**

1.1 In these Terms & Conditions, the following definitions will apply: -

- (a) "**Bank**" means CIMB Bank Berhad which is inclusive of its successors in title and assigns.
- (b) "**MEPS**" means the Malaysia Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd., which provides an Automated Teller Machine Network for all member banks.
- (c) "**ATM**" means an Automated Teller Machine that is installed by the Bank or any member of MEPS for use of its/their customers.
- (d) "**ATM Services**" means services offered by the Bank to its customers which involves the use of the ATM and any other Electronic Banking Services such as EFTPOS, Cash Services (MEPS) etc as the Bankard/or MEPS shall introduce from time to time.
- (e) "**Branch**" means a branch of the Bank.
- (f) "**Card**" means the Bank's ATM Card and any replacement thereof issued by the BANK to any of its customers to enable him/her to use an ATM.
- (g) "**EFTPOS**" means the Electronic Funds Transfer at Point of Sale service which will enable cardholders (by using the Card) to effect payments for purchases/services at authorized retail outlets ("Outlets") .
- (h) "**Fund**" shall include cash belonging to the ATM Cardholder, loans or overdraft facilities granted to the Cardholder
- (i) "**Cardholder**" means the person to whom and for whose use, a Card is issued by the Bank.
- (j) "**Machine**" means an Automated Teller Machine (ATM) or any authorized Electronic Banking Terminal, including the Point of Sales Terminal (EFTPOS).
- (k) "**PIN**" means a Personal Identification Number in order to use the ATM services.
- (l) "**MEPS CASH**" is a name given to the electronic purse scheme operated by Malaysia Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd.

**2. Ownership of the ATM Card ('the Card')**

2.1 The Card shall remain the property of the Bank at all times and the Cardholder shall surrender the Card to the Bank immediately upon request. The usage of the Card is subject to the terms and conditions applicable from time to time and only in the authorized manner as prescribed herein and may or shall be amended from time to time at the sole discretion of the Bank.

**3. Non-Transferability of the Card**

3.1 The Card is issued solely to and for the use by the Cardholder and is not transferable. The Cardholder shall not use the Card as a pledge or guarantee to secure credit facilities or enter into any transaction concerning the same.

**4. Confidentiality of the Personal Identification Number**

4.1 A personal identification number ('PIN') will be issued to a new Cardholder to enable him/her to access the ATM. However, the Cardholder will have to change the PIN as provided by the Bank before being allowed to access the ATM services offered. The Cardholder shall at all times observe the security measures attached to the Card and PIN as prescribed by the Bank. The Cardholder must **never** reveal his/her PIN to anyone, including the Bank's personnel, and it should not be kept together with the Card but should be committed to memory.

**5. Loss, Destruction or Theft of the Card**

5.1 If there is suspicion that the Card is lost, has been stolen or is destroyed and/or that the confidentiality of the PIN has been compromised, the Cardholder must immediately notify the Bank to suspend the Card. In this respect, the Cardholder can contact the Bank's Call Centre at 1-300-880-900.

5.2 The Cardholder shall be responsible for all transactions performed via the Card prior to notification by the Cardholder to the Bank of its loss or theft etc wherein the same shall be duly acknowledged by the Bank.

**6. Complaints and Disputes Concerning the Card**

6.1 A Cardholder who wishes to register a complaint/s with regard to the Card would need to complete a Customer Report Form. Any request to issue a replacement Card and a new PIN is subject to the provision under clause 10 stated herein. Disputes pertaining to non-dispensed cash (but account debited) or incorrect cash dispensed, etc, will be entertained upon the Cardholder completing the MEPS Customer Complaints Form. The Bank will act on the complaint immediately and try to resolve the complaint within 14 days from the date of receipt of the complaint failing which the Bank will notify the complainant to ask for an extension of time of a further fourteen (14) days.

6.2 Should a Cardholder express dissatisfaction on the outcome of the Bank's attempts to resolve the complaint (after the extension of the stipulated time frame of fourteen (14) days has expired) the matter can be further referred by the customer to the Bank's Call Centre at 1-300-880-900. If this too fails the Cardholder may finally refer the complaint/dispute to the home branch or nearest Bank branches.

**7. Responsibility for Transactions and the ATM Card**

7.1 The Cardholder is responsible for all transactions performed with the Card and shall accept the Bank's records of all the Cardholder's transactions effected as binding and conclusive. The Cardholder shall be governed by the limit of RM3, 000 for any ATM withdrawals per day or any other limit set by the Bank from time to time, which the Bank can change without further reference to the Cardholder, subject to the availability of funds in the Cardholder's account. For the purposes of computing the daily withdrawal limit of joint accounts where one or more Cards are issued to joint account holders, the daily limit is RM3,000 per Card, subject to the availability of funds in the said joint account.

7.2 The Cardholder shall ensure that the microprocessor, magnetic stripe and/or data in the Card are not in any way altered or tampered with by any means whatsoever and without affecting the Cardholder's ownership of the Card. The Cardholder hereby agrees that the Bank shall have the right to retain possession of the Card or upon request by the Bank, surrender the same for the purpose of verification, rectification or validation of the data stored in the Card.

7.3 The Bank will not be responsible for any damage to the Card once the Cardholder has accepted it. The Cardholder is required to keep the Card in a safe place, free from any magnetic source or excessive heat and also to ensure that the Card is not bent or defaced wherein the same may cause the Card to be damaged. The Bank will issue a replacement for a damaged Card upon request and it is subjected to a charge based on the prevailing Card replacement fees. Simultaneously, a replacement PIN will also be issued.

7.4 The Cardholder shall not hold the Bank, its servant and/or agents liable, responsible or accountable in any way whatsoever in the event of loss, injury or damage arising from any mechanical defect or malfunction of the ATM Machine, interruption or loss of power supply to the ATM Machine or for any reasons whatsoever.

**8. Maintaining Sufficient Balance in the Cardholder's Account**

8.1 The Cardholder shall not use the Card for withdrawal or transfer of funds at any of the Bank's ATMs within Malaysia or overseas unless there are sufficient funds in his/her account to do so.

8.2 The balance in the Cardholder's account procured from the ATM shall not include unrealized deposits, if any, and it shall not be taken as a conclusive statement of account of the Cardholder with the Bank.

**9. Validity and Termination**

9.1 The Cardholder shall return the Card to the Bank for cancellation, if he/she has no further use of it or the Cardholder's account has been closed for any reasons whatsoever. Notwithstanding the above, the Bank reserves the right at any time to revoke the Cardholder's right to use the Card or it may refuse to renew or replace the Card wherein written notification of the same will be given to the Cardholder by the Bank or any authorized personnel acting on behalf of the Bank. The Cardholder shall not use the Card after receiving such notification of revocation.

**10. ATM Card Replacement**

10.1 Upon the Bank being notified of the occurrence of any of the events stated herein under clause 5, the Bank may upon the written request of the Cardholder and/or at its sole and absolute discretion issue a new Card and PIN upon such terms and conditions that the Bank deems fit and against such indemnity that the Bank may require of the Cardholder.

10.2 The Bank shall impose a replacement charge of RM12 for a new ATM Card and PIN issued to the Cardholder.

**11. Use of Card to access and operate transactions under one or more account (s).**

11.1 Upon the request of the Cardholder and approval of the Bank the Card can be used by the Cardholder to access and operate one or more accounts maintained by the Cardholder with the Bank and/or CIMB Islamic Bank Berhad and all transactions so effected by the Cardholder under the said account (s) shall be deemed to be transactions of the Cardholder and binding on the Cardholder. The Cardholder further agrees that transactions effected via the use of a card issued by CIMB Islamic Bank Berhad in respect of any account (s) maintained with the Bank shall be binding on the Cardholder.

**12. Annual Card Fees**

12.1 The Cardholder agrees that (i) the Bank shall be entitled to charge an annual fee in respect of the Card on the date of the Card issuance and subsequently on each anniversary date of the Card issuance or on any other date which the Bank may determine from time to time without any prior notice to the Cardholder; (ii) the Bank may without prior notice to the Cardholder debit and/or set off or cause the debit and/or set off as the case may be of the annual Card fee and/or any annual card fee in respect of a card issued by CIMB Islamic Bank Berhad ('the said fee(s)') from any of the Cardholder's account (s) maintained with the Bank and/or CIMB Islamic Bank Berhad and the Bank shall not be liable to the Cardholder in any way whatsoever if as a consequence of such aforesaid debiting and/or set off of the said fee (s) the said account (s) of the Cardholder maintained with the Bank and/or CIMB Islamic Bank Berhad shall have no or insufficient funds; and (iii) the debiting and/or set off of the annual card fee in respect of a card issued by CIMB Islamic Bank Berhad from any of the Cardholder's account (s) maintained with the Bank shall be binding on the Cardholder.

**13. Bank Charges When Performing ATM Transactions Within Malaysia or Overseas**

13.1 The Cardholder shall pay the Bank all such charges to which the Bank may from time to time determine in relation to the ATM services offered. For this purpose, the Cardholder shall make good the payment of such charges by ensuring that there are sufficient funds in his/her account for the Bank to debit.

13.2 With regard to inter-country transactions via the ATM Card, the same shall be subject to the laws existing in the country where the transaction is done and the exchange rate(s) for such transactions on the date the transaction is posted into the Account shall be determined by the Bank at its sole discretion.

13.3 In addition to the foregoing charge, the Cardholder agrees that the Bank shall be entitled to levy such handling charges as shall be determined by the Bank for each withdrawal transaction at CIMB's Group ATM overseas, at local shared ATM network and at overseas shared ATM Network under MEPS switching partners, PLUS and CIRRUS or any other institution approved by Bank Negara Malaysia. The prevailing handling charges imposed may be viewed at [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my). The charge(s) shall be debited to the Cardholder's transacting account on the date the transaction is posted into the said account.

13.4 The Bank shall be entitled to review the bank charges imposed at any time.

**14. Joint Account Holders**

14.1 The Bank may at its sole discretion issue an additional Card to the co-holder of a joint account provided the condition to operate the joint account is for either one to operate. The joint account holders shall be jointly and severally liable under the terms and conditions stated herein for which purpose words denoting the singular should be deemed to include the plural.

**15. Shared ATM Network**

15.1 The Terms and Conditions governing the use of ATM Card on the Bank's ATM network shall also apply to the use of the shared ATM Network under MEPS, MEPS switching partners, PLUS, CIRRUS or any other institution approved by Bank Negara Malaysia.

15.2 Activation of the Card for overseas usage is required. However, no activation of the Card is required for withdrawal transactions at CIMB's Group ATM overseas.

**16. Electronic Fund Transfer Point of Sale (EFTPOS)**

16.1 An EFTPOS transaction shall be deemed as withdrawal of cash from the Cardholder's account and the Bank shall be authorized to debit the Cardholder's account with the amount of bills incurred by the use of the Card.

**17. Inter-Branch Withdrawals**

17.1 Where one or more Cards are issued to the holder or joint account holders of a savings account maintained with the Bank, the Bank shall have the right to inquire from the account holder or joint account holder's home branch, the available balance whenever a withdrawal over the counter is made with a passbook or in the case of a statement savings account, the ATM card with the signature panel duly signed. The Bank further reserves the right to disallow any withdrawal with the passbook/statement if for any reason whatsoever, the balance in the savings account cannot be verified with the home branch of the account holders.

**18. General**

18.1 The Terms & Conditions governing the account of the Cardholder with the Bank and which are consistent with these Terms and Conditions governing the use of the ATM Card shall apply to transactions effected with the use of the Card. However, if in the event of conflict pertaining to ATM transactions, the Terms and Conditions stated herein shall prevail over the Terms & Conditions governing the Cardholder's account.

18.2 The Bank may at any time vary, add, delete or amend the Terms and Conditions stated herein. The Bank shall at its own discretion choose the appropriate mode of communicating such variation, addition, deletion or amendment to the Cardholder(s), and the Cardholder(s) is deemed to have received such notification(s), whether such notification(s) is sent to the Cardholder's last known address with the Bank, and/or publicized in any electronic or paper media, or so provided on the notice board at the Bank's branch premises, or Bank's Internet website, or Machine.

18.3 Notwithstanding and without prejudice to the generality of the clauses in these Terms and Conditions, the Cardholder shall expressly agree that the use of the Card is at his/her own risk and the Cardholder shall assume all risks, either incidental or arising out of the use of the Card and shall fully indemnify the Bank and hold the Bank harmless against all losses, costs, and expenses (legal or otherwise) which may be incurred by the Cardholder or the Bank in connection with the ATM Card and for all transactions performed with the Card (notwithstanding such transactions may be fraudulent or unauthorized).

18.4 Without prejudice to the foregoing clauses, it is expressly agreed that the Terms and Conditions stated herein are supplementary to the existing Bank's Rules and Regulations governing the use and operation of Savings and Current Accounts and the Rules of the Association of Banks in Malaysia.

18.5 These Terms and Conditions shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia. All notices or communication under or in this connection with these Terms and Conditions shall be in the English language and/or the National Language. However if it is in the National Language, it shall be accompanied by a translation in the English Language. In the event of a conflict between the English Language text and the National Language text, the English Language version shall prevail.